


Headline	Faham sejahtera bukan sembarangan
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	07 Apr 2022
Page No	16
PR Value	RM 103,690



UIAM
BERHUJAH
Oleh
Dzulkifli Abdul Razak

TEMA Hari Guru tahun ini adalah *Guru Tunjang Sekolah Sejahtera*. Dua kalimat besar yang wajar diberi perhatian mendalam adalah guru dan sejahtera. Perkataan ‘guru’ dalam bahasa asalnya tidak terikat kepada tugas mengajar sahaja seperti yang difahami umum kini. Bekerja pada jam tertentu seperti yang diwartakan, dibayar gaji atau upah tertentu sebagai satu ‘transaksi’. Semacam jual-beli, ada untung, ada ruginya.

Seumur ini diambil kira dalam penyempurnaan tugas mengikut KPI (petunjuk prestasi utama), mengikut angka dan nombor, peratusan dan ukuran sesuai dengan kerangka KPI yang diakui pihak tertentu. Kejayaan juga ditafsir sedemikian rupa. Lagi tinggi nombor dianggap sebagai lebih berjaya. Sama ada tinggi nilai atau tidak, bukan hal.

Oh itu, tugas-tugas lain yang tidak boleh disukat atau dinomborkan walaupun bernilai tinggi berdasarkan amalan etika lazimnya diketepikan sahaja, kadangkala dilenyapkan sama sekali. Sekali gus tugas guru disempitkan kepada mengajar, bukan lagi mengasuh apa lagi memkar dan mengilhamkan penuntut (bukan sekadar pelajar).

Ekoran itu, tujuan utama belajar lebih untuk mencari satu jawapan yang betul (khusus untuk lulus peperiksaan) sedangkan untuk memekar dan mengilham, lebih menekankan menerokai soalan yang boleh menyuluh ufuk hari muka. Aspek ini belum lagi menujunjang institusi pendidikan di semua peringkat.

Dalam dunia yang tidak menentu seperti dewasa ini, persoalan masa hadapan yang sering digelar ‘kalis masa hadapan’ (*future proof*) adalah amat penting. Lantas mencari jawapan untuk lulus peperiksaan tidak dianggap kalis masa hadapan memandangkan pergołakan yang kian berubah dari semasa ke semasa. Jawapan yang betul hari ini, esok lusa sudah basi. Ambil sahaja kes pandemik yang dialami selama dua tahun lalu. Pada mula tiada apa-apa jawapan

Faham sejahtera bukan sembarangan



TUGAS guru bukan lagi sekadar mengajar tetapi juga mengasuh dan membentuk diri pelajar. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

pun yang dapat meyakinkan, selain amalan mengasingkan atau menjarakkan diri daripada ‘punca’ virus berkenaan (yang juga tidak dikenali dengan tepat).

Kemudian apabila terciptanya vaksin tertentu, jawapan yang tepat masih tidak dapat dikemukakan dari segi keberkesanannya antara satu jenama dengan yang lain. Sehingga ini dos ‘penggalak’ dan prosedur operasi standard (SOP) menjadi jawapan mudah setiap kali kemusykilan baharu timbul. Kini dos penggalak keempat sudah diramalkan oleh pihak berkepentingan. Bilakah vaksin akan kalis masa hadapan tidak diketahui jika berpandu kepada jawapan yang diberikan setakat ini.

Untuk menjadi ‘kalis’ pada sesuatu ketika dan masa, kita perlu mengenali perincian masa dan ketika yang dituju. Ia memerlukan ramalan jitu lagi tepat melalui kaedah serta pendekatan sesuai. Pertimbangan ini belum terlintas pun sebagai mata pelajaran di institusi pendidikan kita di semua peringkat.

Maksudnya, pembelajaran cara lama yang linear atau

lurus bendul atau menghalal tidak lagi berkesan. Aspek anjalan serta berdaya fikir luar sempadan menjadi mutlak kerana ia memberi keluwesan yang berani untuk merekayasa masa hadapan. Bentuk perguruannya bukan lagi ‘transaktif’ tetapi ‘transformatif’ yang umum, tidak boleh ditunjuk ajar secara konvensional. Sebaliknya perlu dialami sendiri akan keadaan serta cabaran yang dihadapi tanpa perlu merujuk buku teks tetapi kepada alam luas terbentang sebagai salah satu sumber rujukan utama. Ini bermakna keupayaan ‘membaca’ alam semesta merupakan satu kemahiran baharu yang perlu untuk mencetuskan kecerdasan sejahtera dalam kata sebenarnya.

KALIMAT SEJAHTERA

Jadi, apa pula itu kalimat sejahtera? Ia pasti bukan sembarangan yang diadunkan untuk mudah disesuaikan dengan akronim S.E.J.A.H.T.E.R.A. Sebaliknya ia terbit daripada intipati Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) 1996 secara persis apabila diungkapkan

sebagai ‘kesejahteraan diri’ yang padat dengan nilai acuan kita sendiri. FPK merupakan satu-satunya dokumen dasar rasmi kerajaan yang memuatkan perkataan keramat tersebut dan berakar umbi dalam kerangka pendidikan.

Bukan dokumen ekonomi atau politik yang sering menggunakan istilah sejahtera sewenang-wenang tanpa usul periksa. Dan mengelirukan umum kerana falsafah tidak jelas, kalau ada pun salah tafsir. Maka kini terdapat pelbagai cogankata yang sedap bunyi tetapi kontang maksud, hatta pelaksanaannya tidak pula sejahtera.

SENGSARA

Dengan demikian, sudah tiba masa kalimat sejahtera diseragamkan dari segi maksud dan maknanya berpandukan FPK yang sarat dengan pautan secara langsung kepada nilai sejahtera yang mendalam iaitu Seimbang, Etika, Jasmani, Agal (Intelek), Harmonis, Taat Tuhan, Emosi, Rohani dan Akhlak mulia sebagai natijah penghujungnya. Setiap

Headline	Faham sejahtera bukan sembarangan
MediaTitle	Utusan Malaysia
Date	07 Apr 2022
Page No	16
PR Value	RM 103,690

satu boleh dirujuk kepada ayat tertentu dalam FPK. Malangnya kebanyakannya sering diabaikan kerana tiada ukuran atau sukatan yang mutlak diamalkan kini.

Maka sejahtera anjuran FPK terhumban membawa ‘sengsara’ sebaliknya. Ini dicirikan oleh pelbagai nilai dan akhlak negatif seperti budaya buli (istilah pinjaman yang tiada dalam budaya Melayu, seperti mana istilah ‘mindā’), kebiadaban dari pelbagai sudut hidup, ketandusan faham budaya serta warisan serta ketaksuban mencari nombor dan angka untuk kohnonya mencerminkan kejayaan biarpun songsang dengan tujuan asal FPK sebenarnya.

Yang tinggal hanya sekadar slogan cetek tanpa roh sebagai sebut-sebutan belaka. Maka tidak menjadi kehairanan jika seorang pensyarah (hakikatnya ‘guru’) menghamburkan kata-kata kesat terhadap pelajarnya yang ditularkan baru-baru ini. Apakah lagi institusi pensyarah berkenaan dibina khas untuk membantu golongan yang memerlukan pembelaan sewajarnya.

Sebaliknya, pelajar berkenaan terhina kerana tidak beroleh sebuah komputer yang membuat pensyarah naik berang serta hilang sifat-sifat kesejahteraannya. Aib keluarga pelajar dide dahkan - melanggar adab serta etika bermasyarakat melalui media sosial, suatu medan terkenal membawa kepada kesengsaraan lebih daripada kesejahteraan diri.

Pastinya ia bukan kali pertama hal ini terjadi, mungkin yang lain tidak mengundang reaksi yang sama. Apa pun, semua ini berkaitan rapat dengan dua kalimat besar, guru dan sejahtera, angka tidak ada kesefahaman mendalam akan pendidikan berlandasan FPK.

Ringkasnya, sejahtera tidak akan tercapai selagi fahamnya tidak diakari dengan baik di semua peringkat dengan tujuan yang satu - yakni memperoleh kesejahteraan diri bukan kesengsaraan. Dan bukan juga sembarangan.

Ini wajar dijadikan bahan fikir untuk betul-betul memaknakan Hari Guru yang bukan sahaja bertunjangkan sejahtera tetapi serentak kalis masa hadapan. Selamat berguru!